

30 APR 1999

Sanusi-Kasih

KASIH DR MAHATHIR TERHADAP RAKYAT DAN NEGARA TIADA BANDINGAN

LANGKAWI, 30 April (Bernama) -- Menteri Besar Tan Sri Sanusi Junid hari ini berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak mengharapkan sesuatu daripada masyarakat dan beliau tidak akan lari daripada tanggungjawabnya untuk memastikan ekonomi negara pulih.

"Kasih Dr Mahathir bukan kerana dia mendapat sesuatu sebaliknya beliau memberi kepada orang yang dia kasih," katanya semasa merasmikan Persidangan Perwakilan UMNO Bahagian Langkawi di sini.

Sanusi, yang juga Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Kedah, berkata sikap dan kasih Dr Mahathir terhadap rakyat dan negara ini begitu besar dan tidak ada orang yang dapat menandingi kasihnya.

Beliau kesal kerana ada orang yang suka apabila Dr Mahathir uzur baru-baru ini sedangkan mereka sepatutnya berdoa supaya beliau segera sembuh.

Sanusi juga meminta anggota UMNO terus bersatu dalam menghadapi pelbagai tohmahan, fitnah dan celaan dari mana-mana pihak terhadap kepimpinan negara.

Katanya pihak yang tidak bertanggungjawab akan terus memburuk-burukkan pimpinan negara dalam usaha menjatuhkan UMNO dan Barisan Nasional.

"Sebagai tanda perpaduan yang erat anggota UMNO mesti terus bangun mempertahankan pimpinan negara kerana ini merupakan satu tanda perpaduan sejati," katanya.

-- BERNAMA

NH AKD